

Pertahanan perkongsian kuasa

UM- 17/6/2007

KUALA LUMPUR 16 Jun - Sistem perkongsian kuasa yang menjadi tonggak kepada kekuatan politik Malaysia perlu dipertahankan oleh generasi kini dengan apa cara sekalipun.

Ini ditegaskan oleh Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin ketika membuat rumusan Seminar Legasi Tun Abdul Razak.

Beliau berkata, sistem tersebut masih relevan walaupun ada pihak yang mula mempertikaikan amalan tersebut.

"Dalam seminar ini, kita dapat dengar betapa pentingnya sistem itu yang diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

"Oleh itu sistem tersebut perlu diteruskan," kata beliau pada Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara yang berakhir di sini hari ini.

Khairy turut membangkitkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang sebenarnya membawa kemajuan bukan sahaja kepada orang Melayu tetapi juga kepada kaum yang lain.

"Jika ada yang kata DEB sebagai penghalang kemajuan, ia adalah tidak tepat. Sebaliknya ia (DEB) telah membawa Malaysia

ke negara maju, amah dan damai," katanya.

Tun Abdul Razak, ujar beliau, turut mencetus penyusunan semula masyarakat yang sebelum ini berasaskan kepada pasaran bebas.

Dalam konteks tersebut, katanya, Perdana Menteri kedua itu turut memperkasakan struktur sosial masyarakat yang tidak terhad kepada sesuatu kaum sahaja.

Jika sebelum ini kaum Cina hanya mendominasi perniagaan manakala kaum Melayu hanya sebagai kakitangan kerajaan tetapi Tun Abdul Razak telah menjadikan orang Melayu sebagai ahli perniagaan yang berjaya, tambah beliau.

Turut disentuh dalam rumusan tersebut ialah penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah dan juga universiti.

Ini jelas melalui penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Teknologi Mara (ITM).

Malah, Tun Abdul Razak juga melihat jauh ke hadapan dengan menubuhkan institusi vokasional kerana percaya bidang kemahiran menjadi amat berguna membangunkan negara.